



Faculty of Applied and Creative Arts

**PERAYAAN GAWAI ANTU : SATU KAJIAN KES DI RUMAH
PANJANG NANGA MUTOK, BETONG**

**Jacqueline Anak Bantan
47043**

Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2017

PERAYAAN GAWAI ANTU : SATU KAJIAN KES DI RUMAH PANJANG NANGA
MUTOK, BETONG

JACQUELINE ANAK BANTAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan kepujian
Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of2017.

Student's Declaration:

I JACQUELINE ANAK BANTAN, 47043, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle **PERAYAAN GAWAI ANTU : SATU KAJIAN KES DI RUMAH PANJANG NANGA MUTOK, BETONG** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

JACQUELINE ANAK BANTAN (47043)

Supervisor's Declaration:

I PROF. MADYA DR. NORIA TUGANG hereby certifies that the work entitled **PERAYAAN GAWAI ANTU : SATU KAJIAN KES DI RUMAH PANJANG NANGA MUTOK, BETONG** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by : _____ date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: _____ Supervisor Signature: _____
(Jacqueline Anak Bantan) (Prof Madya Dr. NoriaTugang)

Current Address:

LOT 2541, LRG 8, DESA ILMU, 94300 KOTA SAMARAHAN, SARAWAK

Note* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Service]

Catatan :* Tesis dimaksudkan tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk “**PERAYAAN GAWAI ANTU : SATU KAJIAN KES DI RUMAH PANJANG NANGA MUTOK, BETONG**” telah disediakan oleh **JACQUELINE ANAK BANTAN** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **pengurusan seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Prof. Madya Dr. Noria Tugang)

Tarikh:

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa bahagian daripada penyelidikan dalam diserta ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut penganjian tinggi lain.

.....

(JACQUELINE ANAK BANTAN)
No. Matrik: 47043

PENGHARGAAN

Bersyukur ke atas Tuhan yang maha kuasa diatas segala nikmat nyawa, tenaga dan masa yang telah diberikan kepada saya untuk saya menyiapkan tugas ini. Pertama sekali, saya ingin mendedikasikan ucapan terima kasih dan penghargaan ini kepada pensyarah saya iaitu Prof. Madya Dr. Noria Tugang kerana telah memberi bimbingan serta tunjuk ajar untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana telah memberi saya pemudahcara untuk menyelesaikan tugas ini. Penghargaan ini diatas segala sokongan moral yang tidak terhingga dan kemudahan kepada saya untuk menyiapkan tugas ini.

Di samping itu, saya juga ingin menunjukan penghargaan dan ucapan terima kasih ini kepada rakan-rakan yang sentiasa mendorong dan memberi peringatan kepada saya semasa saya alpa. Ucapan terima kasih ini juga diatas membantu saya menjawab setiap pertanyaan yang saya tanyakan kepada mereka.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan tulus ikhlas daripada saya kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya membuat tugas ini.

ABSTRAK

Kajian ini mengenai Perayaan Gawai Antu di rumah panjang Nanga Mutok, Betong. Penyelidikan ini memfokuskan tentang pemeliharaan perayaan Gawai Antu dalam kalangan masyarakat Iban. Penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual dengan beberapa informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kajian. Penyelidikan ini bertujuan untuk memelihara warisan masyarakat Iban yang kian hilang.

ABSTRACT

This study is about the Sea Dayak Feast of The Departed Spirits at longhouse of Nanga Mutok, Betong. This research focused on maintenance the Sea Dayak Feast of The Departed Spirits among the Iban community. This research using the interview method with several informants who have expertise in the field of study. The aim of the research is to preserve the heritage of the Iban community.

ISI KANDUNGAN**HALAMAN**

TAJUK	i
PENGESAHAN	ii-iv
PENGAKUAN	v
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
BAB SATU PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-2
1.1.1 Latar Belakang Kajian	3-5
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kerangka Konseptual	8-9
1.5 Hypothesis	10
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Lokasi Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	13
1.9 Kepentingan Kajian	14-15
Masalah Yang Di Hadapi Semasa Menjalankan Kajian	16
BAB DUA SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Sarawak	18
2.3 Iban	19
2.4 Ritual	20
2.5 Identiti	21
2.6 Pengurusan	22
2.7 Pemeliharaan	23
2.8 Gawai	24
2.9 Gawai Antu	25-26
Rumusan	27

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	30
3.3.1 Kaedah Perpustakaan	30-31
3.3.2 Kaedah Kajian Lapangan	32-33
3.4 Peralatan Yang Digunakan Semasa Menjalankan Kajian	34-35
Rumusan	36

BAB EMPAT ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	37
4.2 Analisis Data	38
4.3 Aktiviti Sebelum Perayaan Gawai Antu	39
4.3.1 Baum (Mengadakan Mesyuarat Bersama Penduduk)	39
4.3.2 Ngempi Dan Menyembelih Haiwan	40
4.3.3 Ngambi Buluh	41
4.3.4 Ngeretok/Nganyam	42-46
4.3.5 Mantar Gawai/Pra Gawai	47-49
4.4 Aktiviti Semasa Perayaan Gawai Antu	50-51
4.4.1 Niki Ke Pengabang	52-54
4.4.2 Muka Kujuk	55-57
4.4.3 Ngalu Ke Petara	58-59
4.4.4 Nimang Jalong	60
4.4.5 Nuntung Jalong & Ngirup Buluh	61-62
4.5 Aktiviti Selepas Perayaan Gawai Antu	63
4.6 Perbincangan	64-66

4.7 Rumusan	67
BAB LIMA KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Kesimpulan	68-69
5.2 Cadangan	70
LAMPIRAN	71-76
SENARAI RUJUKAN	77-80

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengkaji telah mendapati bahawa sebelum ini terdapat penyelidikan yang mengemukakan kajian yang sama berkenaan dengan Adat Gawai Antu dengan kajian yang dilakukan pengkaji. Namun, pengkaji yang lepas hanya memfokuskan kepada salah satu aspek semasa ritual Gawai Antu tersebut dijalankan yang bertajuk Nimang Jalong. Pengkaji pula ingin mengetengahkan penyelidikan tentang atur cara atau perjalanan Gawai Antu itu sendiri. Dalam memastikan pengkaji melakukan kajian yang berlainan dengan pengkaji yang lepas, pengkaji telah melakukan pemerhatian dan pembacaan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji. Oleh sebab itu, pengkaji telah menggunakan beberapa sumber rujukan bagi mengukuhkan dan memperkuat lagi penyelidikan tersebut dalam memastikan kajian ini dapat memenuhi matlamat dan objektif pada akhir kajian ini.

Kaum Iban merupakan kaum majoriti yang menetap di negeri Sarawak. Di dalam buku yang bertajuk Sarawak Purba hasil penulisan Craig A. Lockard dan Graham E. Saunders ada menyatakan penghuni terbesar yang menetap di kawasan luar bandar merupakan kaum Dayak iaitu kaum Iban (Dayak Laut), Bidayuh (Dayak Darat) dan Orang Ulu. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi fakta sebelumnya, pengkaji telah menjumpai sebuah buku hasil daripada penulisan Ghulam Jie M Khan yang menyatakan bahawa kaum Iban merupakan suku etnik terbesar yang ada di negeri Sarawak berbanding dengan 25 suku lain di dalam bukunya yang berjudul "Buku Rekod Negeri-Negeri Sarawak". Di samping itu, Jayum A Jawan di dalam bukunya yang bertajuk The Iban Factor in Sarawak Politics ada juga menyentuh populasi Iban

merupakan kaum majoriti dan mempunyai populasi yang banyak di Sarawak diikuti dengan kaum Cina, Melayu, Bidayuh (Dayak darat), Melanau, dan Orang Ulu yang terdiri daripada Kayan, Kenyah, Kelabit dan kaum yang lain.

Perayaan Gawai merupakan perayaan bagi masyarakat Dayak, Sarawak. Perayaan Gawai bagi masyarakat terdiri daripada pelbagai jenis. Contohnya Gawai Dayak, Gawai Mangkung Tiang, Gawai Burong, Gawai Kelingkang, Gawai Antu dan banyak lagi. Disebabkan masyarakat Iban mempunyai banyak perayaan Gawai maka pengkaji telah memilih Gawai Antu sebagai kajian. Menurut Robert Menua Saleh, Research Director di dalam buku Riph Pengerami Gawai Antu dibawah tajuk Jaku Kenang di muka surat 2, Gawai Antu merupakan perayaan Gawai yang paling besar diraikan untuk memberi penghormatan kepada roh-roh penduduk sesebuah rumah panjang yang mengadakan perayaan Gawai Antu tersebut.

Menurut Datuk Amar (Dr.) Leonard Linggi Jugah, Chairman The Tun Jugah Foundation Kuching di dalam buku Riph Pengerami Gawai Antu dibawah tajuk Jaku Pelasar di muka surat 1 ada menyatakan bahawa perayaan Gawai Antu kebanyakan masih diamalkan lagi di daerah Saratok dan juga Betong. Beliau juga menyatakan bahawa setiap daerah mempunyai perbezaan dalam melaksanakan Gawai Antu. Selain itu, beliau juga ada menyatakan bahawa generasi yang akan datang akan mengalami kesukaran dalam mengenali dan memahami setiap atur cara perayaan Gawai Antu. Oleh itu, pengkaji ingin membuat kajian tentang perayaan Gawai Antu di daerah Betong agar ianya sedikit sebanyak dapat membantu generasi akan datang mengenali Gawai Antu dan tidak hilang ditelan zaman.

1.1.1 Latar belakang kajian

Pengkaji ingin menjalankan kajian tentang perayaan Gawai Antu: Satu kajian kes di rumah panjang Mutok, Betong. Menurut Henry Grijih dalam jurnalnya *Gawai Antu Iban Feast of Departed* di Rumah Bawin, Samu Paku, Betong, Gawai Antu merupakan perayaan yang paling besar bagi setiap masyarakat Dayak Laut sempena merayakan orang yang telah meninggal dunia. Perayaan Gawai Antu ini berasal daripada Serapoh yang telah diajar oleh roh Puntang Raga. Selain itu, perayaan Gawai Antu menggunakan perbelanjaan yang mahal dan akan mengambil masa sekurang-kurangnya setahun atau dua tahun sebagai persediaan majlis tersebut dari aspek kewangan. Majlis Gawai Antu mempunyai maksud yang kuat bagi masyarakat Dayak Laut. Mereka yang tidak menyambut perayaan tersebut dianggap tidak setia kepada tanggungjawab agama untuk menandakan tanah perkuburan dengan “sungkup”. Oleh itu, semua kaum Dayak bagi setiap generasi perlu meraikan sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup. Kenyataan tersebut telah disokong oleh Benedict Sandin (1972) dalam buku yang bertajuk *Gawai Antu*.

Menurut Benedict Sandin (1972) dalam bukunya yang bertajuk *Gawai Antu*, Gawai Antu merupakan satu perayaan gawai yang paling besar diraiikan oleh masyarakat Iban yang diraiikan untuk memberi penghormatan dan merayakan adat kematian yang dipanggil “merantu” dalam bahasa Iban. Gawai ini juga boleh dikenali sebagai Gawai Nyungkup atau Gawai Rukan. Perayaan Gawai Antu ini member banyak makna bagi masyarakat Iban. Sekiranya orang yang telah meninggal dunia tidak dirayakan atau “diperantu”, orang tersebut tidak tandakan dengan menggunakan “sungkup” (keranda) di kubur. Hal tersebut boleh merosakkan nama orang yang tidak merayakan perayaan Gawai Antu kerana mereka dianggap tidak menghormati kubur ibu dan bapa yang telah meninggal dunia. Oleh yang sedemikian, masyarakat Iban akan merayakan perayaan Gawai Antu walaupun tidak kerap tetapi sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka.

Di samping itu, terdapat beberapa senarai utama dalam buku Gawai Antu beliau yang merupakan atur cara sebelum, semasa dan selepas perayaan Gawai Antu. Antaranya ialah:

- i. Pun Gawai Antu
- ii. Ai Garong enggau Ai Jalong Timang
- iii. Riph Pengawa Gawai Antu
 - a. Nanggor Diri Gawai Antu
 - b. Baum Beban
 - c. Ngambi Buloh
 - d. Ngeretok enggau Nganyam
 - e. Terubah Ngalu Antu
 - f. Riph Garong
 - g. Minta Manok enggau Ngempi'e
 - h. Tubai Gawai
 - i. Nimpoh Gawai Enggau Ngambi ngabang
 - j. Mantar Enggau Ngeraran
- iv. Gawai Antu Nyadi
 - a. Niki ke Orang Ngirup Ai Jalong Timang
 - b. Bedijir
 - c. Begeliga
 - d. Ngalu Petara
 - e. Berandang Jalai
- v. Timang Jalong
- vi. Pengabis Gawai Antu
 - a. Muai Rugan
 - b. Bebungkar Ruang
 - c. Ngambi Tebalu Mansau
 - d. Nganjung Garong
 - e. Berangap
 - f. Nganjung Snungkup
- vii. Sebayan Ngabang Gawai Antu
- viii. Asal Nyabong Manok
- ix. Pun Enda Ngulit Ka Orang Parai
- x. Terubah Nemu Ngerapoh

Justeru itu, dapatlah kita lihat bahawa perayaan Gawai Antu mempunyai banyak aktiviti atau atur cara yang dijalankan sebelum, semasa dan selepas Gawai Antu. Oleh itu, pengkaji ingin membuat kajian berkenaan tajuk tersebut kerana sedikit sebanyak aktiviti dan atur cara tersebut hilang dan kian ditelan zaman.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengkaji terdorong untuk melakukan penyelidikan ini kerana perayaan Gawai Antu sangat jarang dilakukan. Bukan hanya beberapa tahun sekali bahkan berpuluh tahun sekali baru ada perayaan Gawai Antu diraikan. Perayaan Gawai Antu boleh dijalankan sekiranya salah seorang penduduk rumah panjang mendapat mimpi dan rumah baru telah siap sepenuhnya. Kepercayaan mimpi merupakan sesuatu yang sangat penting dalam masyarakat Iban pada masa dahulu. Menurut Sandin (2001), kaum Iban telah diajar oleh Manggin yang merupakan salah seorang wira budaya dalam masyarakat Iban berkenaan dengan kepentingan mimpi. Oleh sebab itu pengkaji ingin membuat penyelidikan ini.

Selain itu, perayaan Gawai Antu kian ditelan zaman. Menurut Goldie anak Gayah (2007), ada menyatakan bahawa perayaan Gawai Antu sudah tidak lagi diraikan kerana masyarakat Iban telah menganuti agama Kristian. Disebabkan oleh faktor agama tersebutlah telah menyebabkan masyarakat Iban meninggalkan adat asal atau adat resam terdahulu termasuklah acara perayaan Gawai Antu. Oleh hal yang sedemikian, jelaslah bahawa generasi yang akan datang berkemungkinan besar tidak dapat melihat perayaan Gawai Antu diraikan secara realiti lagi.

Seterusnya, arus permodenan juga telah mempengaruhi golongan belia dan menyebabkan atur cara perayaan Gawai Antu semakin hilang. Lebih kritikal lagi apabila golongan belia sekarang tidak mengenali dan tidak pernah menyaksikan sendiri perayaan Gawai Antu. Hal ini kerana golongan belia tidak mempunyai minat dalam mengekalkan dan mengenali adat resam mereka sendiri. Jelaslah bahawa golongan belia sekarang telah dipengaruhi dengan arus permodenan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian perayaan Gawai Antu di rumah panjang Mutok, Betong ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah untuk memelihara perayaan Gawai Antu di kalangan masyarakat Iban.

Di samping itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji setiap atur cara atau perjalanan perayaan Gawai Antu di rumah panjang Mutok, Betong masih lagi kekal seperti adat lama atau sudah berubah disebabkan oleh arus permodenan. Sekiranya masyarakat di rumah masih mengekalkan adat lama maka ianya boleh dijadikan sebagai satu sumber rujukan kepada masyarakat Iban yang akan datang.

Objektif yang seterusnya ialah mengkaji kaedah untuk memelihara perayaan Gawai Antu di kalangan masyarakat Iban kerana perayaan ini jarang diraikan dan boleh menyebabkan perayaan ini hilang ditelan zaman..

1.4 Kerangka Konseptual

Dalam menjalankan penyelidikan mengenai adat tradisional perkahwinan Iban, kerangka konseptual penting untuk memastikan penyelidikan berjalan dengan lancar. Ini kerana kerangka konseptual boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian ini. Selain itu, dengan adanya kerangka konseptual ini, pengkaji tidak akan terlepas dari batasan kajian. Antara kerangka konseptual yang terdapat dalam penyelidikan pengkaji ialah :

1. Ritual

Perayaan Gawai Antu bagi masyarakat Iban sudah semestinya mempunyai ritual atau upacara pemujaan roh bagi masyarakat yang sudah meninggal dunia. Kebanyakan buku yang telah saya baca berkenaan Gawai Antu ada menyatakan bahawa perayaan Gawai Antu merupakan perayaan yang disambut untuk melakukan penghormatan atau pemujaan kepada roh yang sudah meninggal dunia.

2. Identiti

Perayaan Gawai Antu ini juga merupakan identiti bagi masyarakat Iban. Perayaan tersebut melambangkan kepentingan bagi masyarakat Iban menyambut perayaan tersebut bagi menghormati ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia.

3. Simbol

Simbol yang paling ketara dalam perayaan tersebut ialah atur cara perayaan itu sendiri. Contohnya upacara *miring* (upacara ritual), "*nyabong manok*" (melaga ayam), menganyam untuk menghias "*sungkup*" (keranda), *niki ke pengabang*

(menjemput tetamu), *nimang jalong* (upacara minum air di dalam mangkuk), *ngalu petara* (memuja roh) dan banyak lagi.

1.5 Hipotesis

Perayaan Gawai Antu semakin dipinggirkan kerana perubahan budaya yang berlaku dalam masyarakat Iban kini. Arus permodenan telah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minda generasi muda sekarang ini disamping mempengaruhi dan mengubah kehidupan mereka sekaligus telah menyebabkan perayaan Gawai Antu semakin hilang. Hal ini dapat dilihat melalui perkembangan agama dan pendidikan masyarakat sekarang khususnya bagi masyarakat Iban. Walau bagaimanapun, melalui perkembangan ini juga terdapat kebaikan dan keburukannya. Dari aspek kebaikannya, kita dapat lihat sendiri masyarakat Iban sekarang sudah keluar dari zon mereka sendiri dan semakin berjaya di luar. Manakala keburukannya pula, masyarakat Iban yang telah keluar dari zon mereka sendiri hampir melupakan identiti asal dan adat resam mereka sendiri. Oleh hal yang sedemikian, adat asli masyarakat Iban terutamanya perayaan Gawai Antu perlu dipelihara dan dipulihara sama ada melalui pendokumentasian atau dikaji semula bagi tatapan generasi yang akan datang.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada amalan ritual masyarakat Iban iaitu atur cara dalam perayaan Gawai Antu. Hal ini kerana perayaan Gawai Antu semakin tidak dikenali dan semakin ditelan zaman disebabkan oleh arus globalisasi. Perayaan Gawai Antu amat penting untuk dikekalkan dari aspek budaya dan warisan bagi masyarakat Iban.

Skop kajian ini tertumpu kepada penduduk di rumah panjang Mutok, Betong. Pemilihan lokasi kajian di rumah panjang Mutok, Betong adalah sesuai kerana rumah panjang tersebut akan meraikan perayaan Gawai Antu pada bulan Disember tahun ini (2016).

Skop kajian terhadap perayaan Gawai Antu akan lebih diberi tumpuan kepada aspek atur cara perayaan tersebut diraikan. Kajian ini juga turut mengkaji cara masyarakat Iban di rumah panjang Mutok dalam melaksanakan perayaan Gawai Antu.